

19 JUL 1999

NGO-Tabung

DUA NGO KAJI SEMULA PENDIRIAN SELEPAS DR MAHATHIR BERI PENJELASAN

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Dua pertubuhan mewakili masyarakat India bersetuju mengkaji semula pendiriannya berhubung dengan pembubaran Lembaga Kewangan Pekerja India Selatan berikutan penjelasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kedua-dua pertubuhan itu -- Malaysian Hindu Sangam (MHS) dan Majlis Belia Hindu Malaysia (MHYC) -- akan bermesyuarat esok untuk memutuskan pendirian, kata presiden MHS S.Vaithilingam kepada Bernama hari ini.

Beliau berkata mereka tidak tahu tentang keadaan sebenar sehingga Dr Mahathir memberi penjelasan mengenai perkara itu.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata Sabtu lepas bahawa lembaga itu yang ditubuhkan pada 1958 oleh British telah memenuhi matlamatnya.

Beliau berkata mereka yang menentang pembubaran tabung itu mempunyai motif politik dan kerajaan akan mengkaji nasib mereka yang terbabit berikutan pembubaran lembaga kewangan itu.

Vaithilingam berkata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu yang juga Presiden MIC dan Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Affifuddin Omar telah menjelaskan melalui media bahawa sebuah institut teknikal akan didirikan di kawasan seluas tanah 6 hektar di Nibong Tebal, Pulau Pinang, milik lembaga kewangan itu.

Sementara itu, mesyuarat antara Samy Vellu dan MHS dan MHYC yang dijadual Khamis ini dibatalkan.

Setiausaha akhbar Samy Vellu, S.Ganapathy berkata dalam kenyataan hari ini bahawa mesyuarat itu dibatalkan kerana Samy Vellu berpendapat bahawa Perdana menteri telah menjelaskan mengenai perkara itu.

"Beliau (Samy Vellu) menghormati pandangan dan jaminan Perdana Menteri," kata Ganapathy.

-- BERNAMA

ES FAZ